

20/08/1997

Ada pihak anggap MSC akan gagal

SHAH ALAM, Selasa - Ada pihak dari dalam dan luar negara menganggap idea mewujudkan Koridor Raya Multimedia (MSC) dan Teknologi Maklumat (IT) yang diilhamkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sebagai satu mimpi yang tidak akan menjadi kenyataan.

Menteri Penerangan, Datuk Mohamed Rahmat, berkata dakyah tidak baik yang dilemparkan dari dalam dan luar negara itu bertujuan memperkecil-kecilkan projek mega kerajaan dalam bidang IT.

"Pihak luar menganggap projek itu hanya mimpi kerana bimbang negara ini akan mewujudkan persaingan dengan mereka dalam bidang itu.

"Pihak dari dalam negara yang bermotifkan politik pula, bimbang rakyat kita menjadi maju, yang menyukarkan mereka mendapatkan sokongan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Minggu Teknologi Maklumat 1997 di Institut Teknologi Mara (ITM) di sini, hari ini.

Beliau berkata, rakyat kini faham, IT boleh memainkan peranan penting dalam pembangunan sesebuah negara dan akan menolak dakyah yang dilemparkan itu.

Sebagai usaha menangkis dakyah dan memberi penerangan kepada rakyat mengenai idea mewujudkan MSC dan IT, katanya, Kementerian Penerangan dengan kerjasama Mimos Berhad akan menjalankan kempen besar-besaran, termasuk mengadakan perjumpaan dengan rakyat melalui media cetak.

Dr Mahathir dijangka memulakan kempen penerangan secara menyeluruh mengenai idea mewujudkan idea berkenaan kepada rakyat dengan muncul melalui media elektronik ketika waktu perdana dengan menjelaskan kepada rakyat mengenai kepentingan MSC dan IT bagi menjamin pembangunan negara.

Beliau berkata, kementerian turut meminta kerjasama semua stesen radio dan televisyen sama ada swasta atau milik agensi kerajaan menyiarkan ucapnama Perdana Menteri pada waktu perdana mengenai idea itu, mulai bulan depan.

Menurutnya, kempen itu akan diadakan berterusan sehingga idea berkenaan menjadi kenyataan dan diterima rakyat.

Beliau berkata, penerangan itu perlu dilakukan bagi mengelakkan rakyat daripada terpedaya dengan dakyah tidak baik yang dilemparkan media barat dan pihak tertentu di negara ini mengenai idea berkenaan.

(END)